

06/03/2003

Ku Li sanjung tinggi keputusan Dr Mahathir

GUA MUSANG: Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razleigh Hamzah, menyifatkan kesediaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan terus bergiat dalam politik selepas bersara meyakinkan kekukuhan barisan kepimpinan Umno.

Justeru, beliau memperlihatkan keputusan itu sebagai perkembangan yang baik dan memberi peluang kemenangan lebih besar Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau menyanjung tinggi komitmen yang ditunjukkan Dr Mahathir untuk terus bergiat dalam parti sebagai ahli biasa kerana itu adalah keputusan dirinya sendiri tanpa halangan mana-mana pihak.

"Saya rasa kita kena terimalah hakikat yang dia nak berundur dan kalau dia nak kekal sebagai ahli biasa itu dia punya hallah," katanya kepada pemberita selepas perasmian penutup Kursus Kecemerlangan Kepimpinan dan Kaji Selidik Sosio Ekonomi Peneroka Felda 2003 di Felda Ciku 6, dekat sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir yang menyebut bahawa tempohnya memegang jawatan Perdana Menteri yang tinggal tujuh bulan lagi tidak akan dilanjutkan.